

Pembangunan Atlet Perlu Di Teraskan Kepada Latihan Jangka Panjang -

Zahid Hamidi

By admin

August 1, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pembangunan atlet di negara ini perlu berteraskan kepada latihan jangka panjang yang bersistematik dan tidak seharusnya dilakukan secara bermusim.

Zahid Hamidi berkata, beliau telah meminta Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin agar dapat merangka latihan yang lebih bersistematik secara berterusan dalam usaha untuk melahirkan lebih banyak atlet-atlet sukan ternama dipersada antarabangsa.

“Saya tidak mahu venue yang kita bangukan ini terbiar begitu sahaja nanti, Kementerian Belia dan Sukan perlu menjadikan stadium ini sebagai tempat yang harus diisi dengan acara pesta-pesta sukan yang akan melahirkan jaguh dan tokoh-tokoh sukan yang bakal mengharumkan nama negara nanti.”

Sehubungan itu, Zahid Hamidi berkata, Sukma XVIII merupakan temasya terbaik dalam menjayakan peranan untuk mempererat lagi hubungan antara masyarakat berbilang kaum di dalam negara.

“Kita harap temasya Sukma ini, dan lain-lain acara sukan dalam negara boleh dijadikan sebagai satu produk yang baik untuk negara.”

Berucap pada majlis penutupan Sukan Malaysia (Sukma) XVIII di Stadium Sarawak, Timbalan Perdana Menteri menyifatkan penganjuran Sukma XVIII di Sarawak sebagai yang paling gemilang dan hebat yang ditampilkan sehingga kini.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya menyampaikan hadiah berupa piala dan wang tunai RM5,000 masing-masing kepada atlet terbaik lelaki Sukma Khairul Hafiz Jantan dan atlet terbaik wanita Nur Aqilah Yusof.

Blog at WordPress.com. Follow ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/08/01/pembangunan-atlet-perlu-di-teraskan-kepada-latihan-jangka-panjang-zahid-hamidi/>